

07/02/2000

LTDL 2000 milik pelumba Mercury

Zairee Zahir

LE TOUR DE LANGKAWI 2000 menjadi milik penuh pasukan muka baru Amerika Syarikat, Mercury apabila tiga pelumbanya menaiki pentas pemenang untuk mengesahkan pasukan itu sebagai juara keseluruhan perlumbaan jelajah edisi kelima itu, semalam.

Dalam perlumbaan peringkat 12 Kriteria Kuala Lumpur, pelumba kelahiran Jerman, Jan Bratkowski menjuarai saingan sengit sejauh 75.3km, atau 12 pusingan di sirkit sejauh 6.3km sepusingan.

Dia menewaskan pelumba Saturn, Antonio Cruz dan Volker Ordowski dari Gerolsteiner dalam saingan henjutan terakhir selepas ketiga pelumba itu bersama lima pelumba lain membuat pemecahan seawal pusingan ketiga.

Bratkowski, 25, yang kurang menyerlah dalam 11 peringkat awal, mencatat masa sejam 45.48 saat, 1.04s di depan kelompok besar yang mengandungi 111 pelumba di akhir peringkat 12 itu.

Selain menjuarai gelaran juara berpasukan keseluruhan, Chris Horner turut muncul pemenang jersi kuning selaku juara individu keseluruhan manakala pakar pecutnya, Gordon Fraser dianugerah jersi hijau selaku Raja Pecut dengan 111 mata.

Pelumba Panaria-Gaerne, Julio Alberto Perez kekal Raja Bukit dengan jersi berbintik merah yang dipegang sejak peringkat 10 di Genting dengan 66 mata manakala pelumba terbaik Asia Timur kekal milik pelumba Telekom Malaysia All Star dari Hong Kong, Wong Kam Po.

Mercury, pasukan yang menggabungkan enam pelumba dari lima negara dan mengambil alih persada keseluruhan sejak peringkat 11, muncul juara berpasukan dengan masa terkumpul 115j 44.59s; menewaskan Afrika Selatan di tempat kedua dengan kelebihan 38 saat dan pasukan senegara Saturn di tempat ketiga.

Semua pemenang menerima hadiah masing-masing daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut menyaksikan perlumbaan yang bermula dari Pulau Langkawi, 26 Januari lalu.

Horner berkata, dia gembira dengan persembahan memberangsangkan Mercury walaupun pertama kali dijemput bertanding di dalam jelajah terulung Asia itu.

"Saya terlalu gembira. Malah 20 jam penerbangan yang membosankan hilang dalam tempoh 20 minit sebaik menjejak kaki di negara ini. Floyd Landis membuat permulaan baik bagi pasukan ini apabila memenangi saingan pertama ujian masa individu di Langkawi.

"Sejak itu, pasukan kami semakin bertambah kuat dan kemenangan ini membuktikan betapa handalnya pasukan Mercury. Ini satu pengalaman yang menakjubkan.

"Tahap saingan juga begitu baik dengan beberapa kayuhan mendaki yang benar-benar sukar. Afrika Selatan memberikan banyak masalah kepada kami hari ini," katanya.

Horner yang memegang jersi kuning sejak peringkat keenam berkata, kemenangan di LTDL2000 adalah kejayaan terbesarnya sejak tujuh tahun menjadi pelumba profesional.

Menurutnya, semangat berpasukan dalam pasukan itu semakin kental biarpun timbul salah faham di kalangan pelumba Mercury di akhir peringkat kelapan dari Mersing ke Melaka.

"Ia satu jarak yang begitu jauh dan masing-masing penat. Jadi perasaan marah mudah meletus. Tetapi sebaik tiba di hotel, masing-masing sejuk semula. Ia perkara biasa dan itulah yang menjadikan sukan ini sungguh

menakjubkan," katanya.

Sementara itu, Malaysia pula sekadar menduduki tempat ke-15 daripada 25 pasukan yang bertanding, dan menduduki tempat ketiga di belakang Jepun dan Filipina dalam saingan peringkat Asia Timur.

Pelumba terbaik negara dalam saingan membabitkan kayuhan sejauh 1,600km itu ialah Shahrulneeza Razali yang menduduki tempat ke-27 keseluruhan individu, dan kedua di belakang Kam Po.

Dalam perlumbaan semalam, rentak kayuhan seperti dijangka begitu laju dengan purata kelajuan 42.7kmj, walaupun laluan di sekitar sirkit dalam bandar raya mempunyai banyak selekoh tajam.

Pelumba negara, Tsen Seong Hoong adalah pelumba pertama yang melengkapkan satu pusingan dan mendahului kelompok besar kira-kira 100 meter di depan tetapi dapat ditangkap kelompok besar yang diterajui Saturn.

Kemudian, sekumpulan lima pelumba membuat pemecahan dan diekori tiga pelumba lain yang keluar dari kelompok besar. Pecutan pertama di akhir pusingan ketiga dimenangi Rene Haselbacher dari Gerolsteiner.

Lapan pelumba kelompok depan, termasuk Bratkowski silih berganti melebarkan jarak dari kelompok besar dan berada 1.48s di depan dengan saingan pecutan kedua dimenangi Kosie Lowbser dari Afrika Selatan.

Pada pecutan ketiga, Lowbser sekali lagi memenangi saingan pecut terakhir itu di pusingan sembilan sebelum kelompok depan berpecah kepada tujuh pelumba apabila Uwe Peshel dari Gerolsteiner mengalah.

Dia kemudian meningkatkan kayuhan dan kembali di dalam kelompok besar sebelum saingan henjutan terakhir menyaksikan Bratkowski mempamer kehandalannya untuk lebih dulu mencecah garisan penamat.

Daripada 149 pelumba yang bermula di Langkawi, hanya 126 pelumba menamatkan saingan.